

Kah Kiat jumpa PM jelaskan hasrat lepaskan jawatan

USA 1 FEB 2003
KOTA KINABALU 10 Feb. — Ketua Menteri Sabah, Datuk Chong Kah Kiat hari ini menjelaskan, pertemuannya dengan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah untuk menyampaikan hasrat melepaskan jawatannya pada 27 Mac ini dan bukannya untuk melanjutkan tempoh.

Pegawai Akhbarinya, Raja Abidin Raja Sulong berkata, dalam pertemuan yang diadakan pada 6 Februari itu juga, Kah Kiat menyatakan perkara yang sama kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Katanya, sebagai membuktikan keikhlasannya beliau (Kah Kiat) menulis surat kepada Perdana Menteri bertarikh 31 Disember 2002 untuk memaklumkan mengenai perkara tersebut.

“Tujuan beliau memaklumkan penamatan jawatan Ketua Menteri terlebih awal adalah untuk memudahkan Perdana Menteri memikirkan bakal pengganti kepimpinan negeri Sabah secepat mungkin,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai

mengulas tulisan *Awang Selamat* dalam *Mingguan Malaysia* semalam yang mengatakan Kah Kiat mengadakan pertemuan dengan Dr. Mahathir baru-baru ini untuk memohon supaya dipertimbangkan tempoh perkhidmatan sebagai Ketua Menteri.

Sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri di Sabah diperkenalkan pada 1994 untuk memberi peluang kepada pemimpin Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam menyanggah jawatan tersebut untuk tempoh selama dua tahun.

Kah Kiat adalah Ketua Menteri

keenam dalam sistem penggiliran itu selepas Tun Sakaran Dandai, Datuk Seri Mohd. Salleh Said, Datuk Yong Teck Lee, Tan Sri Bernard Dompok dan Datuk Osu Sukam.

Raja Abidin berkata, pertemuan itu bagaimanapun telah disalah ertikan kerana Kah Kiat telah menyatakan hasratnya untuk tidak melanjutkan tempoh walau seminit pun sebagai Ketua Menteri.

“Ketua Menteri berasa amat terkilan atas kenyataan yang disiarkan melalui akhbar *Mingguan Malaysia* keluaran Ahad, 9 Februari lalu,” katanya.